

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1994/95

April 1995

EBS 211/3 - Geokimia Carigali

Masa: [3 jam]

ARAHAN KEPADA CALON

Sila pastikan kertas ini mengandungi TIGA (3) mukasurat bercetak sebelum anda meneruskan dengan peperiksaan ini.

Kertas ini mengandungi 7 soalan

Jawab soalan **satu (1)** dan 4 soalan lain

Jawapan bagi setiap soalan hendaklah di mulakan pada muka surat yang baru.

Semua soalan hendaklah dijawab dalam Bahasa Malaysia.

..2/-

1. **Beri takrif serakan.**
Huraikan dengan jelas ciri-ciri persekitaran primer dan persekitaran sekunder.
Bincangkan kepentingan serakan di dalam kedua-dua persekitaran tersebut dan tunjukkan dengan jelas kaitan serakan dengan tujuan carigali.

(40 markah)

2. Carigali geokimia menggunakan sampel tanah dan sedimen sungai lazim dilaksanakan dalam program carigali kawasan (regional exploration).
Bincangkan kekuatan dan kelemahan yang terdapat pada kedua-dua kaedah tersebut jika anda terpaksa menggunakan kedua-duanya sewaktu membuat tinjauan awal di sebuah kawasan di Pahang Tengah.

(15 markah)

3. Jika anda menjadi pengurus kepada sebuah projek carigali geokimia bagi mencari emas lanar di Kuala Lipis, Pahang, bincangkan dengan jelas langkah-langkah yang perlu anda lakukan sehingga anda dapat membuat pemilihan sasaran (Target Selection).

(15 markah)

4. Lakarkan lima model serakan yang boleh terjadi dalam tanah bakian. Bagi setiap lakaran, catatkan dengan jelas apa yang berlaku pada lakaran tersebut.

(15 markah)

5. Jika anda berhadapan dengan data geokimia carigali yang begitu banyak, bagaimanakah cara anda akan melakukan analisis sehingga terbentuk gambaran yang jelas tentang kewujudan jasad bijih. Bincangkan.

(15 markah)

..3/-

6. Eh-pH memainkan peranan yang sangat penting di dalam carigali geokimia. Bincangkan kepentingannya dan tunjukkan bagaimana Eh-pH dapat membantu mengenalpasti kewujudan jasad bijih.

(15 markah)

7. Geokimia carigali dapat dilanjutkan kepada kajian alam sekitar, pertanian, perubatan dan sebagainya. Bincangkan bagaimana geokimia carigali dapat digunakan di dalam bidang-bidang tersebut.

(15 markah)

-ooo0ooo-

